

21 FEB 1997

Mahathir - Tanah tinggi

BINA LEBUH RAYA DENGAN MENGURANGKAN KEROSAKAN ALAM SEKITAR

GENTING HIGHLANDS, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan pembinaan lebuhraya yang menghubungkan tiga kawasan peranginan di Banjaran Titiwangsa akan dirancang dengan teliti dan dibina dengan mengurangkan kerosakan alam sekitar.

"Kita berhasrat untuk membina lebuhraya yang menghubungkan kawasan peranginan di Malaysia. Kita akan berbuat demikian dengan mengurangkan kerosakan pada alam sekitar," kata beliau ketika melancarkan Genting skyway, iaitu sistem kereta monokabel terpanjang di Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata pembinaan jalan ialah untuk membolehkan rakyat Malaysia mengunjungi kawasan peranginan di tanah tinggi sambil menikmati keindahan persekitarannya serta iklim temperate.

Untuk berbuat demikian, sebahagian kecil daripada tanah tinggi perlu dikorbankan tetapi pengorbanan itu adalah minimum.

"Tetapi kita tidak jangan menggondolkan semua kawasan bukit untuk ke atas. Kita harus merancang dengan teliti laluannya agar kita dapat mengurangkan penebangan pokok."

"Kita jangan menebang pokok tanpa perancangan dan kita sedang berusaha untuk memelihara alam sekitar, mengurangkan pengorbanan yang harus dilakukan tetapi memaksimumkan peluang untuk ke tanah tinggi itu," kata beliau.

Lebuhraya yang dicadangkan itu menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands.

Dr Mahathir berharap mereka yang peka kepada alam sekitar seperti pertubuhan bukan kerajaan akan mengemukakan pandangan yang lebih seimbang dan bukan bersikap fanatik.

"Kita bukan fanatik mengenai pembangunan. Kita tidak menebang pokok semata-mata untuk membangun.

Sambil menarik perhatian kepada kawasan yang menghijau di persekitaran stesen kereta kabel itu, Perdana Menteri berkata kawasan itu masih mengekalkan kehijauan walaupun telah dibangunkan.

Untuk membolehkan tanah tinggi itu memberi kepuasan yang rakyat Malaysia mencarinya di negara lain, kerajaan diminta menjadikan tanah tinggi itu mudah dikunjungi walaupun sesetengah pihak menentangnya.

Beliau berkata tentu aneh jika rakyat diberitahu bahawa tanah tinggi itu cantik sedangkan keindahannya bukan untuk dinikmati atau dilihat.

"Kerajaan berpendapat bahawa rakyat Malaysia harus diberi peluang untuk menikmati keindahan negara ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau yakin bahawa ramai rakyat Malaysia ingin menikmati cuaca sejuk dan tanah tinggi yang cantik.

"Tidak ada makna mempunyai semua ini tetapi kita tidak dibenarkan melihat atau menikmati keindahannya.

"Ia seperti memberitahu seorang kanak-kanak bahawa ais krim itu sedap, sejuk dan lazat tetapi tidak boleh merasanya...ini tentu mengecewakan kanak-kanak itu," kata beliau.

Begitu juga, ia tidak membawa makna jika rakyat Malaysia tidak berpeluang melawat tempat-tempat indah di negara ini, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan tetamu terdiri daripada Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, para menteri dan timbalan menteri kemudian menaiki kereta kabel itu.

"Genting Skyway, yang dianggap sebagai sistem kereta monokabel terpanjang di dunia menghubungkan Gohtong Jaya dengan Highlands Hotel, iaitu

hotel terbaru di kawasan peranginan itu yang terletak 2,000 meter di atas paras laut.

Perjalanan melalui kereta kabel sejauh 3.38 kilometer itu mengambil masa kira-kira 15 minutes.

Dr Mahathir kemudian menyaksikan penyerahan secara rasmi tanggungjawab perkhidmatan bomba dan menyelamat di Genting Highlands kepada kerajaan.

Perdana Menteri juga merasmikan Highlands Hotel yang mempunyai 888 bilik. Ini menjadikan bilangan hotel di kawasan peranginan itu sekarang lima. -- BERNAMA

AFY AZZ FAZ